

# WAN RAMLAH

## 33 tahun bersama

### Jabatan Perangkaan

LEBIH TIGA DEKAD WANITA INI MENCURAHKAN TENAGA DAN IDEANYA BERSAMA DENGAN JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (JP). NYATA PENGALAMAN YANG DIRAIH DALAM JABATAN INI DIPERGUNAKAN SEPENUHNYA BILA DIA MENJAWAT JAWATAN SEBAGAI KETUA PERANGKAWAN HAMPİR TIGA TAHUN LALU.

Dalam tempoh 33 tahun bersama dengan JP akui Wan Ramlah bt. Wan Abdul Raof, 56 tahun, dia melihat pelbagai transformasi yang telah dilakukan dalam jabatan yang berperanan membekalkan data dan perkhidmatan perangkaan khususnya untuk pihak kerajaan.

"Sememangnya saya telah melihat banyak perubahan yang berlaku dalam jabatan ini terutama sekali daripada segi pengumpulan data. Kalau dulu semua data ini dikumpul dan direkodkan secara manual. Sekarang ini semua sudah berbeza.

"Segalanya menggunakan komputer malah kita dah ada teknologi yang canggih yang dipanggil Intelligent Character Reader (ICR) yang membolehkan hasil kaji selidik diimbas dan terus direkodkan. Data-data ini juga tak perlu lagi diangkut dengan van seperti dulu malah data dari Sabah dan Sarawak juga boleh didapati lebih pantas dengan adanya sistem online seperti sekarang," katanya memulakan cerita.

Biarpun jabatan ini memperlihatkan perubahannya namun hakikatnya masyarakat hari ini masih tidak memahami fungsi JP itu sendiri. Perlu diketahui bahawa data-data yang diperoleh dari jabatan ini amat diperlukan sebelum sesuatu polisi kerajaan itu dibuat.

"Kalau tiada data mungkin keputusan yang dibuat itu tidak tepat. Sebagai contoh dalam krisis ekonomi yang berlaku sekarang. Jabatan perlu menyediakan data-data yang berkaitan dengan ekonomi bagi membolehkan kerajaan mengambil langkah yang tepat.

"Itu dalam ekonomi, dalam bidang sosial seperti pendidikan begitu juga. Misalnya sebelum sebuah sekolah dibuka di sesebuah kawasan, mereka akan melihat dulu populasi kawasan tersebut dan semua data ini disediakan oleh Jabatan Perangkaan. Mereka akan lihat kesesuaiannya dan barulah keputusan dibuat. Bukan kedua aspek ini saja malah semua keputusan atau polisi kerajaan akan amat bergantung kepada data yang disediakan oleh jabatan ini," terang Wan Ramlah.

Data yang dikumpulkan oleh JP bukan hanya terhad kepada dua sektor ini saja tetapi lebih meluas merangkumi, sektor pertanian, tenaga kerja, alam sekitar, industri dan pelbagai lagi. Malah jelasnya data-data ini juga perlu dibekalkan secepatnya jika berlaku krisis dan ia amat penting untuk tindakan oleh penggubal dasar.

Dalam pada itu katanya untuk mengutip data-data dalam bidang berkenaan ia bukanlah satu tugas yang cukup mudah. Ujarnya cabaran yang selalu dihadapi adalah dari aspek kerjasama pihak-pihak yang terlibat.

"Kami sering kali perlu menerangkan tentang keperluan data ini dan apa manfaat kepada mereka. Ada yang mudah bekerjasama dan ada juga yang tidak mahu terutama bila melibatkan hal seperti akaun syarikat, pendapatan dan sebagainya," beritahu wanita yang memulakan tugas di JP sejak 1976 lagi.



## Ketua Perangkawan wanita kedua

Selain bergelar Ketua Perangkawan Malaysia, ibu kepada dua cahaya mata ini juga adalah wanita kedua yang menjawat jawatan tersebut sejak jabatan ini ditubuhkan pada tahun 1949.

"Ia menandakan tiada diskriminasi gender dan kebolehan wanita juga diperakui. Saya bersyukur dengan rezeki ini dan tanggungjawab yang lebih besar ini juga sebenarnya mematangkan saya. Saya tidak pernah terfikir untuk menjadi KP tapi saya cuba melakukan yang terbaik dalam menjalankan tugas ini".

"Bagi saya sendiri bila sudah memegang satu-satu jawatan maka ia mesti disertai dengan cita-cita atau matlamat. Saya perlu bekerja dan capai matlamat ini, semestinya ia mesti disertai dengan semangat untuk melaksanakannya" ujar Wan Ramlah yang berhasrat untuk memperbaiki lagi pengumpulan

data jabatannya dan mengumpul data dari industri baru yang diperlukan.

Dalam kesibukan dengan tugas, keluarga tidak pernah diketepikan oleh isteri kepada Shamsudin Abdul Aziz ini. Sebagai wanita berkerjaya dia memahami bahawa karier dan famili mesti diimbangi.

"Alhamdulillah, suami cukup memahami tugas saya dan dia sendiri banyak membantu kerana dia juga pernah bekerja di jabatan ini. Anak-anak pula sudah dewasa jadi tiada banyak masalah.

"Saya tahu dalam apa jua keadaan, tugas dan keluarga perlu diimbangi supaya karier berjalan lancar dan famili terjaga. Tapi saya tak nafikan dalam hal ini kecergasan seorang wanita itu amat diperlukan. Kita perlu kekal sihat dan cergas agar kedua-kedua tugas ini dapat dilaksanakan dengan baik," katanya yang selalu menyertai senaman aerobik yang dianjurkan oleh jabatannya.


# SAMBUTAN 60 tahun

Selepas 33 tahun berkhidmat kata anak kelahiran Johor ini, warga JP akan meraikan sambutan 60 tahun jabatan tersebut pada bulan Jun ini.

"Selaras dengan tema sambutan ke 60 tahun Jabatan iaitu "60 Tahun Menjana Statistik Negara", jabatan telah mengorak langkah dengan melaksanakan Pelan Pengukuhan Jabatan yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan Jabatan sebagai sebuah agensi statistik yang setanding dengan agensi statistik di negara maju serta dapat memenuhi ekspektasi dan keperluan pengguna pada masa sekarang dan masa hadapan.

"Adalah menjadi harapan saya agar JP akan terus memainkan peranan yang lebih besar dan pro aktif dalam membekalkan maklumat dan perkhidmatan perangkaan kepada pelanggan khususnya kerajaan Malaysia. Pencapaian dan pengiktirafan yang

telah diterima oleh jabatan sepanjang 60 tahun ini menjadi pemangkin kepada semua warga kerja JP untuk bersama-sama berganding bahu mencapai visi Menjadi Sebuah Organisasi Statistik Yang terbilang Di Dunia," ujarnya.



Ketika menghadiri kursus di Australia.